

ANALISIS LINGUISTIK TERHADAP PENGGUNAAN BAHASA SMS DALAM KALANGAN GURU PELATIH

Tay Meng Guat
Jabatan Pengajian Melayu

ABSTRAK

Penggunaan SMS merupakan salah satu media komunikatif yang popular dalam era teknologi kini. Kajian ini bertujuan untuk meninjau penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Korpus kajian terdiri daripada teks SMS autentik yang dikumpul daripada seramai 22 orang guru pelatih PISMP Ambilan Januari 2011 kumpulan pengkhususan Pemulihan (BM)/MT/BI. Aspek yang menjadi tumpuan kajian ialah penggunaan kata dan ciri-ciri umum linguistik bahasa SMS berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa bentuk kata yang paling popular dalam teks SMS ialah bentuk singkatan. Kata singkatan ini diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk melalui beberapa proses yang berbeza. Misalnya pengguguran vokal atau konsonan, pengguguran vokal dan konsonan, pengguguran suku kata, penggunaan homofon huruf, angka atau simbol bagi menggantikan sesuatu kata dan penggunaan huruf awal. Antara ciri linguistik yang ketara ialah pengguna SMS lebih mengutamakan kandungan mesej daripada bentuk komunikasi lantas menyebabkan wujudnya bentuk bahasa "baharu" yang melibatkan unsur pragmatik dan pengalaman yang dikongsi bersama dalam penginterpretasian mesej antara pengirim dan penerima.

Kata kunci: *Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), bahasa SMS, analisis linguistik, bahasa singkatan*

ABSTRACT

SMS usage has become one of the popular communicative media in the technology era. This survey aimed to study the usage of SMS language among pre-service teachers in the Institute of Teacher Education, Batu Lintang Campus. The textual data which comprised of 110 authentic messages was collected from a group of B. Ed. pre-service teachers majoring in Remedial Education, January 2011 intake. The focus of the survey is on the words used and the general linguistics of the SMS language. Result showed that there was widespread usage of short forms in the texts of SMS. This is reflected in many ways through various process such as vowel or/and consonant deletion, usage of alphanumeric homophony, letter homophony, truncation and initialization. It is observed that texters placed much more attention on what is to be communicated than on how it is to be communicated. This causes SMS to be credited with creating a “new” language which may rely strongly on pragmatics and shared knowledge for interpretation of the message.

Keywords: *Short Message Service (SMS), SMS language, linguistic analysis, short form*

PENGENALAN

Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) atau lebih dikenali dengan SMS (*short message service*) merupakan satu khidmat yang begitu popular dalam kalangan pengguna telefon bimbit di seluruh dunia dalam era teknologi maklumat dan komunikasi kini. SMS telah dilancarkan secara komersial di negara kita untuk kali pertamanya pada tahun 1995. Pada awal kemunculannya, komunikasi melalui saluran SMS hanya melibatkan dua pihak (pengirim dan penerima) dan SMS hanya boleh dibaca pada layar atau skrin telefon. Namun kini, seiring dengan perkembangan teknologi komunikasi, SMS yang pada asasnya hanya dapat dikirim dari satu telefon kepada satu telefon bimbit yang lain dan hanya dapat dibaca melalui layar telefon, sudah tidak lagi sedemikian. SMS yang dipaparkan oleh rangkaian atau saluran televisyen misalnya telah dapat dibaca oleh jutaan penonton.

Serentak dengan perkembangan SMS itu, telah muncul satu gejala baharu iaitu bahasa SMS. Menurut pihak Bahagian Penyelidikan Bahasa, Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka (2008), “bahasa SMS ialah bahasa yang digunakan untuk berkomunikasi secara tulisan melalui saluran SMS,

dan bahasa yang lazim digunakan ialah bahasa yang tidak baku atau bahasa basahan” (m/s 1-2). Bahasa ini dari aspek leksikalnya mempunyai unsur-unsur campuran bahasa Melayu, bahasa Inggeris, dan bahasa dialek atau daerah. Singkatan dan gabungan kata juga turut digunakan secara sewenang-wenangnya dalam bahasa SMS, seperti *leh join* (boleh bergabung), *yg cute* (yang cantik), *sume* (semua), *jer* (sahaja), dan *pastu* (selepas itu). Selain itu, huruf, angka dan simbol juga turut digunakan dalam SMS, seperti *U* (awak), *I* (saya), *4* (untuk), *2* (itu), *@* (atau), dan *\$* (duit).

Sistem Pesanan Ringkas

SMS merupakan satu perkhidmatan yang ditawarkan melalui telefon bimbit untuk mengirim atau menerima pesanan pendek. Oleh kerana lambat dan kesulitan menulis atau untuk menjimatkan ruang, biasanya pesanan SMS diringkaskan. Namun, kesulitan ini kini sudah diatasi kerana banyak telefon bimbit yang memiliki fungsi kamus dan bijak teka “*intelligent guess*”. Ini merujuk kepada ciri telefon meneka perkataan yang cuba ditulis dengan membandingkan perkataan yang bermula dengan huruf yang sudah diisi. Sebagai contoh, sekiranya pengguna menaip *kere*, telefon bimbit akan memaparkan perkataan *kereta*.

Penggunaan SMS yang begitu pesat telah menimbulkan pandangan daripada pelbagai pihak tentang korpus baharu dalam bahasa komunikasi, iaitu bahasa singkatan atau ringkas sama ada berasaskan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu sama ada sebagai suatu bentuk kreativiti terhadap penggunaan bahasa dalam konteks komunikasi atau menjadi ancaman kepada bahasa yang sedia ada.

Sebenarnya penggunaan bahasa singkatan atau ringkas seperti yang terdapat dalam SMS bukanlah sesuatu yang baharu dalam kehidupan manusia. Kod morse telah wujud lebih daripada 160 tahun yang lalu dan kod braile juga sudah diterima pakai sebagai satu konvensi. Kedua-dua kod ini digunakan dalam konteks tertentu dan oleh kelompok tertentu. Kod morse digunakan dalam telegraf yang bertujuan untuk menyampaikan maklumat penting dan segera sebelum teknologi faksimili, internet dan SMS diperkenalkan. “*SMS language is similar to that used by those sending telegraphs that charged by the word. SMS language is a nascent dialect of English that subverts letters and numbers to produce ultra-concise words and sentiment*” (SMS language, m/s 2). Kod braile pula digunakan dalam konteks terhad dan oleh kelompok yang cacat penglihatan. Kedua-dua kod ini tidak dianggap sebagai ancaman kepada bahasa yang sedia ada.

Pesanan-pesanan SMS amat popular dan pernah mengakibatkan perubahan-perubahan kecil yang menarik dalam masyarakat. Contohnya, pada Januari 2001, Joseph Estrade dipaksa turun takhta sebagai Presiden

Filipina. Kempen menentangnya diselaraskan melalui pesanan ringkas SMS. Pada Julai 2001 juga, pihak berkuasa Malaysia telah memutuskan bahawa dalam menjatuhkan talak, tidak boleh dilakukan melalui SMS kerana tidak jelas siapa yang menghantarnya. Sesiapa sahaja boleh meminjam atau mencuri telefon bimbit dan menghantar pesanan tersebut.

Batasan Kajian

Kajian tinjauan ini hanya melihat penggunaan bahasa SMS dari aspek penggunaan kata dan ciri-ciri linguistik secara umum dalam kalangan 22 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2011 pengkhususan Pemulihan (Bahasa Melayu) /Matematik/Bahasa Inggeris di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Oleh itu sebarang generalisasi terhadap dapatan kajian perlulah dilakukan dengan berhati-hati.

Tujuan Kajian

Secara amnya kajian ini cuba meneliti ciri-ciri linguistik penggunaan bahasa SMS dalam kalangan guru pelatih dalam aspek morfologi khususnya dari segi bentuk dan pembentukan kata. Tumpuan utama adalah tentang penggunaan kata dan ciri linguistik dalam bahasa SMS. Secara spesifik, kajian ini bertujuan untuk meninjau:

1. Bentuk dan pembentukan kata dalam bahasa SMS dari segi linguistik.
2. Jenis-jenis singkatan kata dalam bahasa SMS dari segi linguistik.
3. Ciri-ciri linguistik umum teks mesej SMS.

Kepentingan Kajian

Dari segi teoritis, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi bahan kajian teoritis yang mendukung penelitian lebih lanjut dan bermanfaat bagi pengembangan ilmu pengetahuan, khususnya tentang penggunaan bahasa SMS. Dari segi praktis pula, kajian ini diharapkan dapat digunakan oleh masyarakat dalam mengembangkan kemampuan menggunakan kosa kata agar mewujudkan penggunaan bahasa secara umum. Penelitian bahasa SMS merupakan satu kajian bahasa tulisan yang menarik kerana bahasa dalam SMS tidak terdapat dalam tulisan-tulisan lain.

TINJAUAN LITERATUR

Masalah bahasa ringkas dalam dunia digital seperti “*mn ko nk pergi?*” atau ayat sebenarnya “ke mana kau mahu pergi?” bukan lagi isu baharu namun perkara ini masih kurang mendapat perhatian yang serius daripada pelbagai pihak. Ayat sebegini memang tidak asing dalam pesanan ringkas telefon bimbit, bersebang atau *chatting* di ruang siber. Bahasa ringkas ini

membawa implikasi besar dalam kehidupan manusia kerana perkara ini melibatkan komunikasi harian serta jati diri bangsa yang diwakilinya. Amalan seharian yang diguna pakai ini menjadi ikutan remaja sehingga mereka mengadaptasikannya sebagai bahasa ringkas dalam perbualan siber. Ledakan teknologi menyebabkan bahasa turut masuk dalam arus perkembangannya.

Menurut Rubiah dan pakar bahasa, Nik Safiah Karim (dirujuk dlm. *Singkatan cemar bahasa?*, 2010), terdapat penggunaan bahasa ringkas secara berleluasa berbanding dengan bahasa sebenar kerana penerimanya lebih selari dengan aliran kini sehinggakan remaja kurang berminat untuk berkomunikasi melalui bahasa terutama bahasa Melayu yang memiliki tatabahasa dan frasa lebih tersusun. Penggunaan bahasa yang tidak teratur dan sifat bahasa yang ringkas ini dikhuatiri boleh melanggar kemurnian dan keaslian bahasa.

Masalah bahasa ringkas membabitkan semua bahasa yang dituturkan oleh masyarakat di dunia. Misalnya terdapat laporan oleh ahli akademik di Dublin (dirujuk dlm. *Singkatan cemar bahasa?*, 2010) yang mendapati bahawa SMS mengancam kemampuan atau kemahiran menulis pelajar sekolah. Menurut Suruhanjaya Peperiksaan Dublin, kesalahan nahu dan tatabahasa pelajar berada di tahap yang membimbangkan. Kewujudan telefon bimbit dan peningkatan penggunaan SMS dalam komunikasi telah memberi kesan terhadap tahap penulisan pelajar. Pelajar dikatakan gemar menggunakan perkataan ringkas, ayat mudah dan perbendaharaan kata terhad.

Menurut Raishah Abd Hamid (dirujuk dlm. *Singkatan cemar bahasa?*, 2010), pensyarah bahasa Inggeris Universiti Teknologi Mara (UiTM) ejaan yang digunakan dalam bahasa teknologi digital telah mempengaruhi kosa kata ketika belajar dan mengarang esei. Tahap komunikasi masyarakat dikatakan akan menurun kerana terlalu berhubung dengan mesin berbanding manusia.

Kajian Supyan Hussin (2005) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) beranggapan bahawa walaupun bahasa ringkas tidak boleh menggantikan bahasa Melayu rasmi tetapi memungkinkan komunikasi menjadi lebih pantas. Kepesatan teknologi telah memberi definisi baharu kepada makna dan cara kita berkomunikasi. Bahasa yang menjadi medium komunikasi juga tidak terlepas dari kesan penggunaan teknologi. Perkara yang sama ini pernah ditekankan oleh Thurlow (2003, m/s 4), '*SMS may be broadly defined asynchronous, text-based, technologically mediated discourse*', dan Herring (1996):

'language will necessarily be affected by technological (or medium) variables such as synchronicity (e.g. where instant messaging is synchronous, email is asynchronous), granularity (i.e. how long or short text may be) and multimodality (e.g. whether or not graphics, audio and video are included), as well as other non-linguistic variables such as participant's relationships, expectations and levels of motivation'. (Herring, 1996, m/s 612).

Kajian Döring pada tahun 2002 (SMS Research, m/s 2) memberi tumpuan terhadap penggunaan akronim dan singkatan dalam komunikasi SMS. Kajian ini memaparkan data dan pemerhatian yang menarik tentang perkembangan penggunaan bentuk kependekan yang begitu meluas dalam teks pesanan ringkas. Hasil dapatan analisis terhadap sejumlah 1000 teks SMS autentik yang dikumpul daripada seramai 124 orang pelajar menunjukkan wujudnya penggunaan singkatan secara *ad hoc* dan bentuk kependekan yang tidak khusus.

Kajian Sumitra dan Saibal (2009) mendapati bahawa bentuk singkatan yang digunakan dalam SMS menggambarkan pengguguran vokal atau huruf-huruf tertentu, kadang kala terdapat penggunaan angka atau huruf tunggal untuk menggantikan seluruh perkataan atau bunyinya. Misalnya "b4" untuk "before", "8" untuk "at" dan "gr8" untuk "great". Bentuk singkatan seperti ini dikatakan banyak menjimatkan ruang dan masa. Selain itu, gaya penciptaan mesej SMS juga didapati tidak formal dan dikaitkan dengan struktur tatabahasa bahasa yang lemah. Dalam analisis linguistiknya, beliau membuat perbandingan antara teks SMS yang menyimpang dari teks bahasa Inggeris baku.

Kajian Ling dan Pedersen (2005) terhadap sekumpulan sampel penduduk negara Norway mendapati bahawa lazimnya wanita muda menggunakan struktur bahasa yang lebih kompleks dengan mengekalkan tradisi konvensi yang dikaitkan dengan bentuk bahasa penulisan. Hasil kajian beliau juga mendapati bahawa bahasa SMS memperlihatkan ciri-ciri bahasa pertuturan dan penulisan pada tahap linguistik.

Kajian Thurlow (2003) terhadap korpus SMS yang dikumpul daripada seramai 544 orang responden mendapati bahawa terdapatnya bentuk linguistik 'baharu' iaitu penggunaan pelbagai bentuk kependekan seperti singkatan, pengguguran huruf tengah atau akhir, akronim dan penggunaan huruf awal sebagai singkatan, penggunaan angka dan huruf untuk menggantikan perkataan. Beliau membahagikan bentuk ortografik non-standard kepada kependekan, singkatan, *G clippings*, *other clippings*, akronim, penggunaan huruf awal, homofon huruf/nombor, 'misspelling', *non-conventional spellings* dan *accent stylisation*.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang berbentuk tinjauan ini dijalankan secara kualitatif deskriptif berdasarkan korpus teks mesej SMS autentik yang dikumpul daripada guru pelatih. Responden kajian terdiri daripada 22 orang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Januari 2011 pengkhususan Pemulihan (Bahasa Melayu)/Matematik/Bahasa Inggeris di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL). Responden tersebut diminta memberikan sebanyak lima teks mesej SMS terkini pada hari pengkaji masuk kelas sewaktu tutorial hari Jumaat (21/1/2011). Seminggu sebelum pada hari berkenaan pengkaji telah memaklumkan responden tersebut agar menyimpan sekurang-kurangnya lima teks mesej SMS yang diterimanya dalam masa seminggu berkenaan. Mesej yang dihantar sahaja yang dikutip kerana dari segi etika kajian adalah tidak wajar mengutip teks mesej yang diterima tanpa persetujuan pihak yang menghantarnya. Responden juga diminta mentranskripsikan teks tersebut ke dalam bahasa Melayu baku agar mudah difahami pengkaji. Sebanyak 110 teks mesej SMS dikumpul dan dijadikan korpus kajian. Data yang dikumpul dianalisis berdasarkan ciri-ciri linguistik yang terkandung dalam bentuk kata dan kalimat atau ayat bahasa SMS berkenaan. Semua hasil penemuan dalam perbincangan yang terkandung dalam Jadual 1 hingga 10 adalah berdasarkan data korpus yang dilampirkan dalam Lampiran A.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian perbincangan ini akan memaparkan dapatan kajian dengan menjawab soalan-soalan kajian iaitu apa bentuk kata dan jenis-jenis singkatan kata dalam bahasa SMS dari segi linguistik serta ciri-ciri linguistik teks mesej SMS. Keseluruhan perbincangan berlandaskan maklumat atau data yang dikemukakan dalam Lampiran A.

Bentuk dan pembentukan kata dalam dalam bahasa SMS dari segi linguistik

Dari segi kajian linguistik, bidang yang mengkaji kata ialah morfologi. Tiga aspek utama pengkajian dalam morfologi ialah kajian tentang bentuk, struktur dan golongan kata. Bentuk kata yang terdapat dalam bahasa Melayu ialah kata tunggal, kata terbitan, kata ganda, kata majmuk dan kata singkatan atau akronim. Berdasarkan model bentuk kata bahasa Melayu didapati bahawa bentuk kata yang paling popular dalam teks SMS ialah bentuk singkatan. Kata singkatan ini diterjemahkan ke dalam pelbagai bentuk yang dipendekkan sewaktu menulisnya melalui beberapa proses yang berbeza. Misalnya pengguguran vokal atau konsonan, pengguguran vokal dan konsonan, pengguguran suku kata, penggunaan homofon huruf,

angka atau simbol bagi menggantikan sesuatu kata dan penggunaan huruf awal (rujuk Jadual 1).

Jadual 1

Bentuk Kata Singkatan SMS

| Bentuk Kata Singkatan | Contoh | Padanan |
|--------------------------------|------------------------------------|---|
| pengguguran vokal | sy, sbb, tmbh, tp, bls, esk, kmhrn | saya, sebab, tambah, tapi, balas, esok, kemahiran |
| pengguguran konsonan | suda, ujan | sudah, hujan |
| pengguguran vokal dan konsonan | kuar, cg, ag, abs | keluar, cikgu, lagi, habis |
| pengguguran suku kata | dah, cam, lom/lum, pa | sudah, macam, belum, apa |
| penggunaan huruf | g, k, T, n, d, o, mw, emoc, chat | pergi, ke/ok/kakak, ganti, dan/dengan/di, atau, mahu, emosi, sihat |
| penggunaan angka | 2, lagi 2 , | itu/tu, lagi-lagi |
| penggunaan symbol | x, | tak/tidak/ assignment |
| penggunaan huruf awal | gb, pbs, TC, sms | guru besar, pengalaman berasaskan sekolah, take care, short message service |

Selain digunakan dalam keadaan biasa, singkatan juga kerap digunakan dalam bidang tertentu untuk menggantikan keterangan yang panjang. Misalnya dalam mesej Bil. 58, 78 dan 83 (rujuk Jadual 2).

Jadual 2

Penggunaan Singkatan dalam SMS

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|---|--|
| 58 | Hehe. menari af kmi td.psbhbn utk sbjek kmhrn generik.suda la puasa ku ni.ngalih eh. | Menari af kami tadi...persembahan untuk subjek kemahiran generik ..sudah ia puasa aku ni..penat.. |
| 78 | Cm bsa,kuak Intg..haha.xda kls ptg ni..sd gn T pg td..da kls kmu ptg ni? | Macam biasa ,baring... tidak ada kelas petang ni.. sudah ganti pagi tadi ..ada kelas kamu petang ni? |
| 83 | Aku sudah.td cari kmu 2tp teda .lpg dbilik aku nt.bosan. | Aku sudah.Tadi cari kamu dua tapi tidak ada ..lepak di bilik aku nanti. Bosan. |

Hasil kajian juga dapati bahawa responden menggunakan kata bahasa asing iaitu bahasa Inggeris dan dialek dalam teks mesej yang dikaji (rujuk Jadual 3). Selain itu terdapat beberapa bentuk kata bahasa Inggeris yang dieja mengikut sebutan bahasa Melayu, misalnya *fri=free*, *kol= call*, *munink= good morning*, *tek k= take care* dan *studi= study*. Terdapat juga penggunaan bentuk kata bahasa slanga dalam kalangan guru pelatih seperti *kuak Intg* (*kuak lintang*) untuk maksud tidur atau baring.

Jadual 3

Penggunaan Bahasa Inggeris dalam SMS

| Bil. | Contoh | Padanan |
|------|--------------|------------|
| 1 | sory | sorry |
| 2 | cal | call |
| 3 | bye | |
| 4 | xment/ x-men | assignment |
| 5 | hot story | |
| 6 | fri | free |
| 7 | topup | top up |
| 8 | uncle | |
| 9 | thanx | thank you |
| 10 | homework | |
| 11 | mdm | madam |
| 12 | lect | lecture |

| | | |
|----|---------|--------------|
| 13 | juz | just (hanya) |
| 14 | inner | |
| 15 | pink | |
| 16 | nite | night |
| 17 | hope | |
| 18 | slide | |
| 19 | bank in | |
| 20 | iron | |

Jenis-jenis singkatan kata dalam bahasa SMS dari segi linguistik

Secara umumnya didapati bahawa ciri linguistik yang paling ketara dalam wacana SMS ialah teks yang memaparkan penggunaan bentuk singkatan yang sangat meluas serta bentuk ortografik bahasa yang non-standard. Jenis-jenis singkatan yang wujud ialah singkatan lazim, singkatan keguguran vokal atau konsonan dan singkatan lazim kolokial, kependekan, akronim, penggunaan huruf dan angka, pengejaan yang berbentuk lisan atau non-konvensi dan klu paralinguistik. (setiap jenis ini dijelaskan dalam perbincangan di perenggan-perenggan seterusnya berdasarkan contoh-contoh..... perlu baca dgn teliti...). Singkatan lazim merupakan singkatan perkataan dalam bahasa Melayu yang sudah diterima sebagai satu konvensi sebagaimana yang terdapat dalam *Kamus Bahasa Melayu* terbitan Dewan Bahasa. Antara contoh yang terdapat dalam kajian ialah dalam teks mesej Bil. 1, 2, 4, 30, 45 dan 65 (rujuk Jadual 4).

Jadual 4

Singkatan Lazim dalam SMS

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|---|--|
| 1 | saya nak tido dah. siapkanlah xment. Jgn lah tido lwt sgt. Nite | Saya nak tidur sudah. siapkanlah assignment itu. Jangan lah tidur lewat sangat. |
| 2 | Esk klas jam 9.30 di blok D03... bwk kerja mdm tay yg pasl sms tu dan brg ulasn gb dan khdrn sms pbs | Esok kelas jam 9.30 di blok D03 Bawa kerja madam tay yang pasal sms itu dan borang ulasan guru besar dan kehadiran semasa PBS |
| 4 | x marah mcm mane kalu hset slalu of. | Tidak marah macam mana kalau handset off selalu |

| | | |
|----|--|--|
| 30 | Sue, ptg ny klas kul bpe? | Sue, petang ini kelas pukul berapa? |
| 45 | Ko nk mkn mlm x? | Kau nk makan malam tak? |
| 65 | Cehh..ak lum lg kn pki 2dg cm 2 d cni..mun d kg , on sj..pa x, mls kn iron 2dg kn.. | Aku belum lagi mahu pakai tudung macam tu di sini..kalau di kampung boleh saja..apa tidak, malaa mahu seterika tudung.. |

Kategori singkatan kedua ialah singkatan keguguran vokal atau konsonan. Dari data kajian didapati bahawa wujudnya perkataan yang disingkatkan secara konsisten iaitu terdapat huruf vokal atau konsonan digugurkan oleh pengguna. Pengguna menyingkatkan perkataan yang dipakainya secara sewenang-wenangnya dengan menggugurkan mana-mana huruf vokal atau konsonan ikut sesuka hati hingga wujudnya pelbagai singkatan bagi satu perkataan yang sama. Singkatan perkataan ini masih belum diterima pakai sebagai satu konvensi kerana kadang kala terdapat perkataan-perkataan yang berbeza itu disingkatkan kepada cara yang sama. Misalnya singkatan "brg" boleh diinterpretasikan sebagai "borang" atau "barang", "thn" untuk "tahan" atau "tahun", "2" untuk "dua" atau "tu"/"itu" atau "kata ganda" dan "sms" untuk "*short message service*" atau "semasa". Terdapat juga satu perkataan yang sama itu disingkatkan lebih daripada satu cara, misalnya "cam", "mcm" atau "cm" untuk "macam" dan "mgu" atau "mgu" untuk "minggu". Amalan singkatan ini banyak bergantung kepada kreativiti individu pengguna dan konteks perbincangan atau perbualan pada ketika interaksi berlaku antara dua pihak. Misalnya dalam teks mesej Bil. 2, 10, 72, 83, 84, 4, 22, 57, 25 dan 55 (rujuk Jadual 5).

Jadual 5

Singkatan keguguran vokal atau konsonan dalam SMS

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|--|---|
| 2 | Esk klas jam 9.30 di blok D03... bwk kerja mdm tay yg pasl sms tu dan brg ulasn gb dan khdrn sms pbs | Esok kelas jam 9.30 di blok D03 Bawa kerja madam tay yang pasal sms itu dan borang ulasan guru besar dan kehadiran semasa PBS |

| | | |
|----|---|---|
| 10 | abah hari ini mira kuar d kwn, beli brg2 mgkin blk lewat | abah hari ini mira keluar dengan kawan untuk beli barang-barang dan mungkin balik lewat sikit |
| 72 | Neyy..ble thn c kwn ..haha. thn dpn bru th pki 2 ..sem ani kn hbs sd kn..wakaka | Nah..boleh tahan si kawan .. tahun depan baru lah aku pakai tu ..semester ni mahu habis sudah kan.. |
| 83 | Aku sudah.td cari kamu 2tp teda .lpk dbilik aku nt.bosan. | Aku sudah.Tadi cari kamu dua tapi tidak ada ..lepak di bilik aku nanti. Bosan. |
| 84 | G mndi kli ms 2 ..bh,tgok la.. | Pergi mandi kali masa tu ...ok ,tengok lah. |
| 4 | x marah mcm mane kalau hset slalu of. | Tidak marah macam mana kalau handset off selalu |
| 22 | Law cam 2 xpe r..Nty fri gtaw.. | Kalau macam itu , baiklah. nanti ada masa lapang, beritahu. |
| 57 | Mnri pa jua? cm bez ja gya ny 2...haha | Menari apa juga? Macam seronok saja tu.. |
| 25 | Ok.. hjg mgggu ni igtkn.. | Ok. Hujung minggu ini ingatkan mama. |
| 55 | Malar ja hjn cni...hjj mgu ja xhjn...r bsa hjn sj... | Selalu saja hujan sini... hujung minggu saja tidak hujan ...hari biasa hujan saja. |

Selain itu terdapat juga penggunaan perkataan yang berasaskan bahasa kolokial atau bahasa basahan dan berbunyi keanak-anakan dalam bahasa SMS respondens. Penggunaan perkataan sedemikian besar kemungkinannya didorong oleh hubungan peribadi yang intim antara pengguna. Perkataan-perkataan ini sering digunakan dan diterima sebagai bentuk “konvensi tidak rasmi” melalui bahasa pertuturan dalam komunikasi harian dalam kalangan mereka. Namun perlu ditegaskan bentuk seperti ini tidak diterima sebagai suatu standard yang boleh dimasukkan dalam *Kamus*

Dewan. Singkatan lazim kolokial ini belum diterima sebagai satu konvensi rasmi atau piawai.

Mengikut Doring (2001) penggunaan singkatan dan akronim ini menunjukkan identiti kolektif antara pengguna SMS berkenaan kerana kedua-dua pihak harus mempunyai pengetahuan yang dikongsi bersama agar boleh saling memahami. Misalnya penggunaan “gb” untuk “guru besar”, “sms” untuk “semasa”, “K” untuk “kak”, “g” untuk “pergi”, “kuar” untuk “keluar”, “d” untuk “dengan”, “TC” untuk “take care”, “gtaw” untuk “beritahu”, “ko” untuk “kau”, “lum” untuk “belum”, “nada” untuk “tidak ada” dan “ari” untuk “hari” seperti dalam teks mesej SMS Bil. 2, 3, 10, 11, 22, 70, 76 dan 79 (rujuk Jadual 6).

Jadual 6

Singkatan Lazim Kolokial dalam SMS

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|---|---|
| 2 | Esk klas jam 9.30 di blok D03... bwk kerja mdm tay yg pasl sms tu dan brg ulasn gb dan khdrn sms pbs | Esok kelas jam 9.30 di blok D03 Bawa kerja madam tay yang pasal sms itu dan borang ulasan guru besar dan kehadiran semasa PBS |
| 3 | k.mra x nak g . Dye tny, nak dye tman k? | kak mira tak nak pergi . dia tanya, nak dia temankan ke? |
| 10 | abah hari ini mira kuar d kwn, beli brg2 mgkin blk lwat | abah hari ini mira keluar dengan kawan untuk beli barang-barang dan mungkin balik lewat sikit |
| 11 | Ok. TC | Ok. Take care |
| 22 | Law cam 2 xpe r..Nty fri gtaw .. | Kalau macam itu, baiklah. nanti ada masa lapang, beritahu . |
| 70 | Ko pki yg men msuk trus o selndg lilit 2? | kau pakai yang main masuk terus atau selendang lilit tu? |
| 76 | Nt ku bka... lum tliat lg gmbR mu d pulau 2..skli ja la ny ku tgk.. hehe.. | Nanti aku buka.. belum terlihat lagi gambar kau di pulau tu...sekali saja lah aku tengok. |

| | | |
|----|--|---|
| 79 | Kmi nada .lect nada,gnti ari rbu.bha,aq kn tdo dlu ar.pnt eh dang. | kami tidak ada .Pensyarah tidak ada,ganti hari rabu.Aku tidur dulu.Penat. |
|----|--|---|

Para guru pelatih juga menggunakan homofon huruf atau angka untuk menggantikan seluruh kata seperti “k” untuk “kakak”, “g” untuk “pergi”, “2” untuk “tu”, “o” untuk “atau”, “c” untuk “si”, dan “d” untuk “di” seperti dalam teks mesej SMS bilangan 3, 51, 70, 72 dan 73 dalam Jadual 7. Terdapat juga penggunaan huruf atau angka yang menggantikan sesuatu suku kata. Misalnya “xment” untuk “assignment”, “chat” untuk “sihat”, “2dung” untuk “tudung”, “cni” untuk “sini” dan “tdo” untuk “tidur” dalam teks mesej SMS Bil.1, 13, 65, 78 dan 79 (rujuk Jadual 7).

Jadual 7

Penggunaan Homofon Huruf / Angka dalam SMS

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|--|--|
| 3 | k.mra x nak g . Dye tny, nak dye tman k ? | kak mira tak nak pergi . dia tanya, nak dia temankan ke ? |
| 51 | Slm...dang,bhpa ko 2 ? | Salam...buat apa kau tu ? |
| 70 | Ko pki yg men msuk trus o selndg lilit 2 ? | kau pakai yang main masuk terus atau selendang lilit tu ? |
| 72 | Neyy..ble thn c kwn ..haha.thn dpn bru th pki 2 ..sem ani kn hbs sd kn..wakaka | Nah..boleh tahan si kawan ..tahun depan baru lah aku pakai tu ..semester ni mahu habis sudah kan.. |
| 73 | Hehehe.t aq msukkn pic d blog ku.ko liat ..bikin supan eh.hehe | Aku masukkan gambar di blog ku.Kau lihat,buat malu.. |
| 1 | saya nak tido dah. siapkanlah xment . Jgnlah tido lwt sgt. Nite | Saya nak tidur sudah. siapkanlah assignment itu. Janganlah tidur lewat sangat. |

| | | |
|----|--|---|
| 13 | Ya, chat . adik chat ? mcamana study? | ya, abang sihat . adik sihat ? macam mana dengan pelajaran |
| 65 | Cehh..ak lum lg kn pki 2dg cm 2 d cni .. | Aku belum lagi mahu pakai tudung macam tu di sini .. |
| 78 | Cm bsa, kuak Intg..haha.xda kls ptg ni..sd gn T pg td..da kls kmu ptg ni? | Macam biasa ,baring... tidak ada kelas petang ni.. sudah ganti pagi tadi ..ada kelas kamu petang ni? |
| 79 | Kmi nada .lect nada,gnti ari rbu.bha,aq kn tdo dlu ar.pnt eh dang. | kami tidak ada .Pensyarah tidak ada, ganti hari rabu.Aku tidur dulu .Penat. |

Ciri-ciri linguistik umum teks mesej SMS

Secara umumnya hasil kajian mendapati bahawa penggunaan bahasa SMS dalam guru pelatih mengalami beberapa unsur “pengubahsuaian” dari segi linguistik seperti penggunaan homofon huruf atau angka, sistem pengejaan yang non-standard, pengguguran tanda baca, kurang penggunaan kata hubung dan penggunaan huruf besar tanpa kawalan dari segi tatabahasa. Perkara yang amat ketara ialah bahawa pihak interlokuter mengutamakan aspek “apa yang hendak dipertuturkan” dan aspek “bagaimana hendak dipertuturkan” dalam maksim perbualan. Ruang yang terhad menyebabkan pengguna SMS terpaksa meringkaskan kata dan menggugurkan vokal atau konsonan. Dari segi struktur sintaksis didapati sebahagian besar ayatnya adalah tidak koheren dan terpisah-pisah. Pengguna SMS lebih mengutamakan kandungan mesej daripada bentuk komunikasi lantas menyebabkan wujudnya bentuk bahasa “baharu”. Sifat komunikasi melalui SMS yang secara interpersonal ini melibatkan unsur pragmatik dan pengalaman yang dikongsi bersama dalam penginterpretasian mesej antara pengirim dan penerima.

Dari segi kerencaman mesej teks SMS yang dikaji dapat digolongkan kepada dua kategori utama iaitu mesej yang ringkas dan kompleks. Mesej yang ringkas mengandungi satu ayat, klausa atau satu idea. Misalnya teks mesej Bil. 15, 28, 38 dan 108 (rujuk Jadual 8).

Jadual 8

Teks Mesej SMS yang Ringkas

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|-------------------------|------------------------------|
| 15 | Makan ubat, bykkn rehat | Makan ubat, banyakkkan rehat |
| 28 | Sy nk g klas ny. | Saya nak pergi kelas ni. |
| 38 | Uncle da smp. | Uncle Kim sudah sampai. |
| 108 | Cpt ckt doh... | Cepat sikit... |

Mesej-mesej tersebut adalah pendek, secara terus tanpa banyak menggunakan tanda baca dan unsur tatabahasa. Sebaliknya mesej yang kompleks mengandungi lebih daripada satu idea. Misalnya teks mesej Bil. 1 dan 2 (rujuk Jadual 9).

Jadual 9

Teks Mesej SMS yang Kompleks

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|--|---|
| 1 | saya nak tido dah. siapkanlah xment. Jgnlah tido lwt sgt. Nite | Saya nak tidur sudah. siapkanlah assignment itu. Janganlah tidur lewat sangat. |
| 2 | Esk klas jam 9.30 di blok D03... bwk kerja mdm tay yg pasl sms tu dan brg ulasn gb dan khdrn sms pbs | Esok kelas jam 9.30 di blok D03 Bawa kerja madam tay yang pasal sms itu dan borang ulasan guru besar dan kehadiran semasa PBS |

Mesej Bil. 1 mengandungi maklumat tentang situasi individu, pesanan dan penyata larangan sementara mesej Bil. 2 menyampaikan beberapa maklumat dalam satu ayat yang kompleks dengan menggunakan penanda wacana jenis kata hubung “dan”. Kebanyakan teks mesej tidak mencapai jumlah had huruf yang maksimum iaitu 160 aksara. Terdapat teks mesej yang hanya mengandungi satu huruf iaitu “K” untuk “OK”.

Unsur pencampuran kod merupakan salah satu unsur perlakuan linguistik yang biasa dalam latar multilingual. Dalam konteks SMS, pencampuran kod tidak hanya terhad kepada bahasa Inggeris dan bahasa pidgin tetapi juga

meliputi kod yang dicipta oleh pengguna sendiri untuk mengekspresi diri dalam situasi yang berbeza. Pengaruh leksikal dimanifestasikan melalui pinjaman dan terjemahan. Misalnya dalam teks mesej Bil. 1, 4 dan 48 terdapat penggunaan perkataan bahasa Inggeris seperti “assignment”, “nite”, “handset”, “off”, “bank in” dan “hope”. Teks mesej Bil. 63, 69 dan 79 pula menunjukkan pengaruh bahasa pidgin yang ketara (rujuk Jadual 10).

Komunikasi SMS dikatakan sebagai hibrid antara komunikasi pertuturan dan tulisan. “... SMS messages both possess qualities of spoken and written language” (Elvis, 2009, m/s 26). Lantas teks mesej menggambarkan gabungan ciri kedua-dua media pertuturan dan tulisan tanpa disengajakan. Dalam komunikasi interpersonal yang informal ini penerima lebih mengutamakan mesej atau maklumat. Teks mesej lazimnya mempunyai struktur yang ringkas, terputus-putus, konkrit dan bergantung kepada referensi situasi. Terdapat kreativiti dalam mencipta singkatan iaitu singkatan perkataan yang paling pendek, paling mudah ditaip dan paling mudah dieja. Misalnya “x” untuk “tak”, “g” untuk “pergi”, “d” untuk “dengan”, “di” atau “dan”. “[Text-]messages often bear more resemblance to code than to standard language. A text filled with code language expressions is not necessarily accessible to an outsider. The **unique writing style** provides opportunities for creativity” (Thurlow 2003, m/s 3-4). Pengguna meringkaskan perkataan dengan menggugurkan mana-mana vokal atau konsonan sesuka hati dan penerima dikehendaki menginterpretasi gugusan vokal dan konsonan yang diterimanya dengan menambah mana-mana vokal atau konsonan yang perlu berdasarkan konteks kerana terdapat contoh-contoh perkataan atau frasa yang menggunakan singkatan yang sama. Mengikut Döring (2010) terdapat tiga fungsi utama penggunaan bentuk singkatan iaitu fungsi ekonomi masa, fungsi identiti dan penggunaan secara *ad hoc*. Tegasnya penggunaan bahasa SMS ini tidak menurut tatabahasa yang baku dan tidak terdapat dalam kamus atau diterima oleh para akademik. “SMS language does not always obey or follow standard grammar, and additionally the words used are not usually found in standard dictionaries or recognized by language academies (SMS language, m/s 3).

Jadual 10

Teks Pencampuran Kod/ Pidgin

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|---|---|
| 1 | saya nak tido dah. siapkanlah xment . Jgnlah tido lwt sgt. Nite | Saya nak tidur sudah. siapkanlah assignment itu. Janganlah tidur lewat sangat. |

| | | |
|----|--|--|
| 4 | x marah mcm mane kalau hset slalu of . | Tidak marah macam mana kalau handset off selalu |
| 48 | Papa, esok La nk 2bik.. Bank in an Rm100.. Buln ny memg byk wet abes.. Hope xsushkan papa..Hehe.. | Papa, esok La nak keluar. Bank ini kan untuk La Rm100. Bulan ini banyak guna duit. Harap tidak susahkan papa. Hehe.. |
| 63 | O..atu..kmi xda bt psmbhn 2..trus bt slide n bntg..eh,lg2 crt len..blbh jua skema msj ku ni.. haha | Oh...itu.. kami tidak ada buat persembahan tu... terus buat slide dan bentang ...eh ,lagi-lagi cerita lain...berlebih juga skema mesej aku ni.. |
| 69 | Eh.byk krja lg.bek ku pki tdg yg men msuk ja trus .hehehe . | Eh,banyak kerja lagi .Baik aku pakai tudung yang main masuk saja terus. |
| 79 | Kmi nada . lect nada,gnti ari rbu.bha,aq kn tdo dlu ar.pnt eh dang. | kami tidak ada . Pensyarah tidak ada ,ganti hari rabu.Aku tidur dulu .Penat. |

PENUTUP

Rumusan

Penggunaan bahasa SMS yang tidak terkawal dan sewenang-wenangnya oleh pengguna SMS telah melahirkan kebimbangan kepada ahli bahasa kerana gejala ini boleh memberi kesan terhadap perkembangan bahasa Melayu. Sehubungan itu, pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil inisiatif melaksanakan kajian lanjutan terhadap singkatan SMS dan seterusnya menerbitkan risalah Panduan Singkatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) Bahasa Melayu. Risalah ini diharapkan dapat dijadikan panduan dalam penulisan SMS yang standard terutamanya dalam situasi atau urusan rasmi di samping sebagai panduan dalam penapisan bahasa SMS yang akan disiarkan dalam siaran televisyen, seperti melalui paparan mesej gerak perlahan atau mesej rerangkak.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka selaku sebuah organisasi yang bertanggungjawab terhadap perkembangan dan martabat bahasa Melayu juga berinisiatif menganjurkan Seminar Penyelidikan: Perkembangan dan Pengaruh SMS terhadap Bahasa Melayu pada tahun 2005. Antara cadangan yang dikemukakan kepada DBP dalam seminar tersebut termasuklah:

- (i) mengenal pasti senarai singkatan SMS;
- (ii) membuat rujukan atau panduan penggunaan bahasa atau singkatan SMS;
- (iii) mengadakan laman web bimbingan SMS; dan
- (iv) mempromosi bahasa SMS yang piawaian atau standard.

Namun, kepentingan penggunaan SMS dalam situasi rasmi memang tidak boleh dinafikan lagi kerana maklumat dapat disampaikan dengan pantas dalam masa yang sangat singkat. Maklumat itu juga dapat disimpan untuk kegunaan tertentu.

Cadangan Kajian Lanjutan

Penggunaan sesuatu bahasa mempunyai hubungan yang rapat dengan pengguna. Oleh itu kajian dari aspek sosiolinguistik terhadap bahasa SMS boleh dilakukan untuk meninjau sejauh manakah aspek budaya atau sosial mempengaruhi penggunaan bahasa tersebut memandangkan kalangan guru pelatih ini terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik yang melampaui sempadan geografi dan budaya. Kajian perbandingan antara jantina, pengkhususan, program atau ambilan juga boleh dilakukan untuk melihat perbezaan penggunaan bahasa SMS dari maksim tema dan fungsi komunikatif antara mereka.

RUJUKAN

- Al-Khatib, Mahmoud, & Sabbah, Enaq H. (2008). Language Choice in Mobile Text Messages among Jordanian University Students. *SKY Journal of Linguistics*, 21, 37-65.
- Döring, N. (2001). Communicative functions of the SMS texts of German students. (On-line). Diakses pada 29/7/2010 dari <http://www.nicolaoefing.de/publications/sms-kurzformen-doering-2002.pdf>.
- Elvis, F. W. (2009). The sociolinguistics of Mobile Phone SMS Usage in Cameroon and Nigeria. *The International Journal of language Society and Culture*, 28, 25-41.
- Herring, S. (ed). (1996). *Computer-mediated communication: Lingusitic, social and cross-cultural perspectives*. Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- Is txt mightier than the word? (On-line). Diakses pada 8/10/2010 dari http://news.bbc.co.uk/2/hi/uk_news/2814235.stm.
- Ling, R., & Pedersen, P. (Ed.). (2005). *Mobile communications: Renegotiation of the social sphere*. London: Springer.
- Nazmi Yaakub (2005, April 19). Menyorot perkembangan semasa bahasa Melayu. *Berita Harian*.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Imran Ho Abdullah & Idris Aman (penyunting). (2007). *Linguistik Teori dan Aplikasi*. Bangi: Penerbit UKM.
- Panduan Singkatan Khidmat Pesanan Ringkas (SMS) Bahasa Melayu* (2008). Bahagian Penyelidikan Bahasa, Jabatan Bahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Singkatan cemar bahasa? (on-line). Diakses pada 28/7/2010 dari <http://www.syahrnizam.com /009/03/singkatan-cemar-bahasa.html>.
- SMS Language. (On-line) Diakses pada 8/9/2010 dari http://en.wikipedia.org/wiki/SMS_language.
- SMS Research. (On-line). Diakses pada 8/10/2010 dari <http://www.txt2nite.com/forum /viewtopic.php?t=137>.
- Sumitra & Saibal K. Pal. (June, 2009). Analysis of SMS-based Plain and Encrypted Text Messages. *International Journal of Secure Digital Information Age*, 1:1, June 2009, 59-66.
- Supyan Hussin. (2005, April 19). Seminar Sehari Penyelidikan Perkembangan dan Pengarah SMS terhadap Bahasa Melayu. *Berita Harian*.
- Teh, E. H. (2004, January 25). Debate over influence of SMS lingo on students, *The Star*.
- The Language of SMS. (On-line). Diakses pada 8/9/2010 dari <http://www.txt2nite.com/forum /viewtopic.php?t=136>.
- Thurlow, C. (2003). *Generation TXT? The Sociolinguistics of Young people's text-messaging*. Washington: Washington University Press.

Lampiran A

| Bil. | Bahasa SMS | Transkrip |
|------|--|---|
| 1 | saya nak tido dah. siapkanlah xment. Jgnlah tido lwt sgt. Nite | Saya nak tidur sudah. siapkanlah assignment itu. Janganlah tidur lewat sangat. |
| 2 | Esk klas jam 9.30 di blok D03... bwk kerja mdm tay yg pasl sms tu dan brg ulasn gb dan khdrn sms pbs | Esok kelas jam 9.30 di blok D03 Bawa kerja madam tay yang pasal sms itu dan borang ulasan guru besar dan kehadiran semasa PBS |
| 3 | k.mra x nak g. Dye tny, nak dye tman k? | kak mira tak nak pergi. dia tanya, nak dia temankan ke? |
| 4 | x marah mcm mane kalau hset slalu of. | Tidak marah macam mana kalau handset off selalu |
| 5 | Baru bls? Baik xpyh msj. | Baru balas? Baik tidak payah mesej. |
| 6 | Dh beli mknn lm? | Dah beli makanan belum? |
| 7 | Esk klas puan tay jam 8.30 di blok D...klas cg yusof jam 11 di a12... | Esok kelas puan tay jam 8.30 di blok D...kels cg Yusof jam 11 di a12... |
| 8 | ma, mira xsempat nak cal sbb mira ada kelas | ma, mira tidak sempat hendak telefon kerana mira masih ada kelas |
| 9 | x apa, studi baik-baik sygku | tidak mengapa belajar baik-baik sayangku |
| 10 | abah hari ini mira kuar d kwn, beli brg2 mgkin blk lwt | abah hari ini mira keluar dengan kawan untuk beli barang-barang dan mungkin balik lewat sikit |
| 11 | Ok.TC | Ok. Take care |
| 12 | Abang sihat? | Abang sihat? |
| 13 | Ya, chat. adik chat? mcamana study? | ya,abang sihat. adik sihat? macam mana dengan pelajaran |
| 14 | Ok. tp mira selsema sikit. | Ok semuanya. Tapi mira selesema sikit. |
| 15 | Makan ubat, bykkn rehat | Makan ubat, banyakkkan rehat |
| 16 | Nora bagaimana dengan x-men kamu? | Nora bagaimana dengan kerja kursus kamu? |
| 17 | mma, tlg poskan brg ke La..La nk serunding.. | mama, tolong poskan barang kepada La. La nak serunding. |
| 18 | serunding je k? | serunding sahaja ke? |

| | | |
|----|--|---|
| 19 | mama tmbh r lagi mnde2 poun.. Ph2 pos bju krung La wne coklt n inner pink ea.. | Mama tambahlah apa-apa lagi. Lepas itu poskan baju kurung La yang berwarna coklat dan pink. |
| 20 | Ok..Bye2 | Ok.Bye |
| 21 | Kakak, kol jup.. | Kakak, call La sekejap. |
| 22 | Law cam 2 xpe r..Nty fri gtaw.. | Kalau macam itu, baiklah. nanti ada masa lapang, beritahu. |
| 23 | Ok2.. | Baiklah. |
| 24 | Bye.. | Bye |
| 25 | Ok.. hjg mgu ni igtkn.. | Ok. Hujung minggu ini ingatkan mama. |
| 26 | Bkpe? Aku ad klas nie.. | Kenapa? Aku ada kelas sekarang. |
| 27 | Munink.. | good morning. |
| 28 | Sy nk g klas ny. | Saya nak pergi kelas ni. |
| 29 | Ok2..blek nty msej gtaw..Tek k gak ea..Bye.. | Ok. Nanti saya balik, say beritahu. Take care too. Bye. |
| 30 | Sue, ptg ny klas kul bpe? | Sue, petang ini kelas pukul berapa? |
| 31 | weyh, nk mkn x? | Nak makan tak? |
| 32 | Tin, siap r..kol 5 kte g.. | Fatin, bersiap. Pukul 5 petang kita keluar. |
| 33 | cpt, lmbt tggal.. | Cepat. kalau lambat, kena tinggal |
| 34 | xnk.. Aku knyng ag.. | Tak nak. Aku masih kenyang. |
| 35 | Ok2.. | Ok. |
| 36 | Wokey2 | Ok. |
| 37 | yke? Jup2..Aku nga pkai tdung.. | Betul ke? sekejap. Aku tengah pakai tudung |
| 38 | Uncle da smp. | Uncle Kim sudah sampai. |
| 39 | 2.15 ptg..cm bse.. | Pukul 2.15 petang. Kelas macam biasa. |
| 40 | Ptg ny ad gerko x? | Petang ini ada gerko tak? |
| 41 | Ok, thanx.. | Ok, thank you. |
| 42 | Wlcme.. | Welcome. |
| 43 | ad, cm bse... | Ada, seperti biasa. |
| 44 | Topup an aku, nty aku byr blek.. Rm10 mxis aw. | Topup kan untuk aku. nanti aku bayar balik. Rm10 maxis. |
| 45 | Ko nk mkn mlm x? | Kau nk makan malam tak? |
| 46 | K, breh.. No hal.. | Ok. Baiklah. |
| 47 | xnk r, pnat.. | Tak nak.. Aku penat.. |

| | | |
|----|---|--|
| 48 | Papa, esok La nk 2bik.. Bank in an Rm100.. Buln ny memg byk wet abes.. Hope xsushman papa..Hehe.. | Papa, esok La nak keluar. Bank ini kan untuk La Rm100. Bulan ini banyak guna duit. Harap tidak susahkan papa. Hehe.. |
| 49 | Mboi, byknye blnje..Jgn boros sgt. | Amboi, banyaknya belanja. Jangan boros sangat. |
| 50 | sorry geng.mdm tay kol sayamengejut . da kelas 7.30 pagi ni.kelas BM 1 kt A01. | Maaf geng.Puan tay telefon saya mengejut. Ada kelas 7.30 pagi ini. kelas BM1dekat A01. |
| 51 | Slm...dang,bhpa ko 2? | Salam...buat apa kau tu? |
| 52 | Aq bru abs klas.npa ya? | Aku baru habis kelas .Kenapa? |
| 53 | Nada...sj kn msj...hehe | Tidak ada...saja mesej.. |
| 54 | Owh.cm2bah,d sna ujan ka lai. cni hangat eh. | Oh...macam-macam...di sana hujan kah?Sini panas. |
| 55 | Malar ja hjn cni...hjn mgu ja xhjn...r bsa hjn sj... | Selalu saja hujan sini... hujan minggu saja tidak hujan ...hari biasa hujan saja. |
| 56 | Dui kmi hjg mgu tah ujn.. sandi.ui,td wa kmi menari.hahaha | Adui...kami hujan minggu lah hujan...teruk...hoi,tadi kami menar. |
| 57 | Mnri pa jua?cm bez ja gya ny 2...haha | Menari apa juga?Macam seronok saja tu.. |
| 58 | Hehe.menari af kmi td.psbh utk sbjek kmhrn generik.suda la puasa ku ni.ngalih eh. | Menari af kami tadi...persembahan untuk subjek kemahiran generik ..sudah ia puasa aku ni..penat.. |
| 59 | Kmu da sbjk kmhrn generik?Kami Xda sbjk 2... | Kamu ada subjek kemahiran generic ?Kami tidak ada subjek tu.. |
| 60 | Kmhrn emoc bha .kmu nada?? | Kemahiran emosi ... kamu tidak ada? |
| 61 | EQ ka mksd mu ni?mun eq da la.. | EQ kah maksud kau ni?Kalau eq ada lah.. |
| 62 | Awu deh. hehehe. | Ya... |
| 63 | O..atu..kmi xda bt psmbhn 2..trus bt slide n bntg..eh,lg2 crt len..blbh jua skema msj ku ni.. haha | Oh...itu.. kami tidak ada buat persembahan tu... terus buat slide dan bntang ...eh ,lagi-lagi cerita lain...berlebih juga skema mesej aku ni.. |
| 64 | Hahahaha.nda pyth tah skema.ui,ada hot story,arini aq pki tdg cm yuna. haha | Tidak payah lah skema.Hoi ,ada cerita panas,hari ni aku pakai tudung macam yuna.. |
| 65 | Cehh..ak lum lg kn pki 2dg cm 2 | Aku belum lagi mahu pakai |

| | | |
|----|---|--|
| | d cni..mun d kg, on sj..pa x, mls kn iron 2dg kn.. | tudung macam tu di sini..kalau di kampung boleh saja..apa tidak, malas mahu seterika tudung.. |
| 66 | Nanti kelas cam biasa kan? | Nanti kelas macam biasa kan? |
| 67 | Hahahaha.aq pki uda,mlakat d kpala. bulat mua trus .hehe | Aku pakai sudah ...melekat di kepala.Bulat muka terus.. |
| 68 | Ala,mun xmw bult muka,ko pki la skaf yg krs dpn ny 2.. | Kalau tidak mahu bulat muka ,kau pakai lah skaf yang keras depannya tu... |
| 69 | Eh.byk krja lg.bek ku pki tdg yg men msuk ja trus .hehehe . | Eh,banyak kerja lagi .Baik aku pakai tudung yang main masuk saja terus. |
| 70 | Ko pki yg men msuk trus o selndg lilit 2? | kau pakai yang main masuk terus atau selendang lilit tu? |
| 71 | Slindang liit lha .ala2 yuna .wahahaha | Selendang lilit lah.Ala-ala yuna. |
| 72 | Neyy..ble thn c kwn ..haha.thn dpn bru th pki 2..sem ani kn hbs sd kn..wakaka | Nah..boleh tahan si kawan ..tahun depan baru lah aku pakai tu..semester ni mahu habis sudah kan.. |
| 73 | Hehehe.t aq msukkn pic d blog ku .ko liat ..bikin supan eh.hehe | Aku masukkan gambar di blog ku.Kau lihat ,buat malu.. |
| 74 | Bh..ntbka blog mu.. da r 2 ku bka blog mu ,tp bkn bru2 ni la..hehe | Bah..nanti aku buka blog kau ..ada hari tu aku buka blog kau ,tapi bukan baru-baru nil ah.. |
| 75 | Hehe..skrg mkin lawa uda lai.hehe | Sekarang semakin cantik sudah.. |
| 76 | Nt ku bka...lum tliat lg gmbr mu d pulau 2..skli ja la ny ku tgk.. hehe.. | Nanti aku buka.. belum terlihat lagi gambar kau di pulau tu ...sekali saja lah aku tengok. |
| 77 | Hahaha.2lha.bha,bhapa ko ni? | Tu lah...buat apa kau ni? |
| 78 | Cm bsa,kuak lntg..haha.xda kls ptg ni..sd gn T pg td..da kls kmu ptg ni? | Macam biasa ,baring... tidak ada kelas petang ni.. sudah ganti pagi tadi ..ada kelas kamu petang ni? |
| 79 | Kmi nada .lect nada,gnti ari rbu.bha,aq kn tdo dlu ar.pnt eh dang. | kami tidak ada .Pensyarah tidak ada ,ganti hari rabu.Aku tidur dulu .Penat. |
| 80 | Bh2..tdo th..hehe | Ok..tidur lah.. |
| 81 | Slm..jm8.15cm ya,mok x g kafe? | Salam..jam 8.15macam tu,mahu kah pergi kafe? |
| 82 | Kmi g kafe ..mw ikt? | Kami pergi kafe ...mahu ikut? |

| | | |
|-----|--|--|
| 83 | Aku sudah.td cari kmu 2tp teda .lpk dbilik aku nt.bosan. | Aku sudah.Tadi cari kamu dua tapi tidak ada ..lepak di bilik aku nanti. Bosan. |
| 84 | G mndi kli ms 2..bh,tgok la.. | Pergi mandi kali masa tu ...ok ,tengok lah. |
| 85 | K | Ok. |
| 86 | Slm.ktk da kt blt kh ?mok plh nt bsc. | Salam ...kamu ada dekat bilik kah ?Mahu buat math basic. |
| 87 | Wslm..Jm2 la plh bs. mt.. | Wassalam...jam 2 lah buat basic math. |
| 88 | Assalam,no en melo ,jiaaaak brth? | Assalam,kamu semua buat apa ,apa khabar? |
| 89 | walaikumsalam.Mibey en,jiak.mo? | Walaikumsalam.Tidak buat apa-apa,sihat.Kamu? |
| 90 | Juz d dg tv. | Hanya tengk televisyen. |
| 91 | Mak n apak no en? | Mak dan ayah buat apa? |
| 92 | mak d dg tv gk n apak makau nin. | Mak tengk televisyen juga dan ayah pergi jalan. |
| 93 | kbh gy Fahmi skulah? | macam mana persekolahan Fahmi? |
| 94 | Setkt ih ok,suka gy dh gn skulah. | setakat ni baik ,dia kelihatan suka pergi sekolah. |
| 95 | Awal pegah song. | bangun pagi pun awal. |
| 96 | Aisyah n Izzudin jiak agk bejik kh? | Aisyah dan Izzudin masih sakit ke? |
| 97 | dh jiak dh,tp berat duah dh mkin krg | Sudah baik,tapi berat badan mereka semakin kurang. |
| 98 | sadik gk dh jiak | syukur sudah sihat. |
| 99 | kbh ujian mo lau dh? | macam mana ujian? |
| 100 | ok,tp nuan gk soalan ssh jimit tn mnk? | baik,tapi ada sesetengah soalan susah sikit? |
| 101 | Mo jino minggu cuti? | beberapa minggu cuti awak? |
| 102 | Kbh p'kembangan skulah Dayah n Rahul? | macam mana perkembangan sekolah Dayah dan Rahul? |
| 103 | 4 minggu.Stkt ih rajin gaya duah dh. | 4minggu,setakat ini mereka nampak rajin. |
| 104 | Rahul kdg2misel x benegu,pelik mk. | Rahul kalau tidak ditegur ,memang bermain je |
| 105 | dh gk ko msj ,ko mnk homework ko sg. | sampai sini saja saya mesej ,saya nak siapkan kerja rumah sekejap. |
| 106 | Ok.x hell h,mn mo nuan masa msj dik. | Baik. Tidak apa,kalau ada masa nanti mesej lagi. |

| | | |
|-----|---|---|
| 107 | Sory2...tgh mkn ni... | Sorry, sorry...tengah makan ni... |
| 108 | Cpt ckt doh... | Cepat sikit... |
| 109 | Mkn krpek pisang td...lom mandi agy... | Makan kerepek pisang tadi... belum mandi lagi... |
| 110 | Mata ni mcm zombi suda, xtdow dr smlm... | Mata ni dah macam zombi, tak tidur dari semalam... |